

OUCH!

DALAM ISU KALI INI...

- Fungsi Lengkap Automatik (Auto-complete)
- Cc: Bcc:
- Senarai Agihan
- Emosi & Privasi

Apa yang Anda Boleh & Tidak Boleh Lakukan dalam E-mel

Pengenalan

E-mel telah menjadi salah satu cara utama untuk berkomunikasi dalam kehidupan peribadi dan profesional. Walaupun bagaimanapun kita sering menjadi musuh kepada diri kita sendiri ketika menggunakan e-mel. Dalam surat berita ini kami akan menerangkan kesalahan yang biasa dilakukan ketika menggunakan e-mel dan cara bagaimana anda boleh mengelaknya dalam kehidupan seharian.

Editor Jemputan

Dr Eric Cole (@driccole) bergiat aktif dengan SANS Technology Institute (STI) dan SANS, bekerjasama dengan para pelajar, mengajar, dan mengekal dan membangunkan perisian kursus. Beliau merupakan Fellow untuk fakulti SANS dan pengarang kursus. Dr Cole merupakan seorang pemimpin eksekutif dalam industri di mana beliau memberikan khidmat perunding dalam bidang keselamatan siber.

Fungsi Pelengkap Automatik

Fungsi 'pelengkap automatik' merupakan ciri yang biasa terdapat pada e-mel. Sedang anda menaip nama penerima e-mel tersebut, aplikasi e-mel anda akan memilih alamat e-mel secara automatik. Dengan cara ini anda tidak perlu mengingati kesemua alamat e-mel kenalan, hanya nama penerima sahaja. Masalah fungsi pelengkap automatik ini adalah apabila kenalan anda mempunyai nama yang sama. Ianya amat mudah untuk fungsi ini memilih alamat e-mel yang salah untuk anda. Sebagai contoh, anda mungkin mahu menghantar e-mel yang mengandungi maklumat kewangan organisasi anda kepada "Fred Smith", rakan sekerja anda di perakaunan. Sebaliknya fungsi lengkap automatik memilih "Fred Johnson", jiran anda. Akibatnya anda terhantar maklumat sulit kepada mereka yang tidak berkenaan. Untuk melindungi diri anda, sentiasa semak nama dan alamat e-mel sebelum anda menekan butang hantar.

Cc/ Bcc

Kebanyakan pelanggan e-mel mempunyai dua pilihan selain To:, iaitu Cc: dan Bcc:. "Cc" bermaksud "Salinan karbon (Carbon Copy)" yang bermaksud anda mahu memastikan penerima menerima salinan dan dimaklumkan. "Bcc" bermaksud "Salinan selindung (Blind carbon copy)", serupa dengan Cc tetapi tiada siapa dapat melihat senarai penerima yang telah anda Bcc. Kedua-dua pilihan ini boleh membawa masalah kepada anda. Apabila seseorang menghantar e-mel kepada anda dan telah Cc kepada penerima lain dalam e-mel tersebut, anda perlu membuat keputusan sama ada mahu membalasnya kepada pengirim sahaja atau kesemua di dalam senarai Cc tersebut. Jika maklum balas anda sensitif, anda mungkin mahu menghantarnya kepada pengirim sahaja. Jika ini situasinya, pastikan anda tidak menggunakan pilihan "Reply All" yang

Apa yang Anda Boleh & Tidak Boleh Lakukan dalam E-mel

akan menghantar e-mel tersebut kepada semua. Dengan Bcc anda mempunyai masalah yang berbeza. Apabila menghantar e-mel yang sensitif, seperti kepada bos, anda mungkin mahu menghantar salinan kepada seseorang secara peribadi menggunakan Bcc. Walaubagaimanapun, jika bos anda membalas menggunakan "Reply All", kesemua penerima akan mengetahui bahawa bos anda secara selindung tersenarai dalam Bcc e-mel asal anda.

Senarai Agihan

Senarai Agihan adalah koleksi alamat e-mel yang diwakili dengan satu alamat e-mel, kadang-kala dipanggil senarai surat atau nama kumpulan. Sebagai contoh, anda mungkin mempunyai senarai agihan dengan alamat e-mel kumpulan@contoh.com. Apabila anda menghantar e-mel kepada alamat berkenaan, mesej tersebut akan dihantar kepada semua di dalam kumpulan berkenaan, mungkin beratus atau beribu penerima. Berhati-hati ketika menghantar e-mel kepada senarai agihan kerana berkemungkinan ramai yang akan menerimanya. Selain itu, sentiasa berhati-hati apabila membalas e-mel pengirim yang menggunakan senarai agihan. Anda mungkin ingin menghantar kepada pengirim sahaja tetapi jika anda tertekan butang "Reply All" anda akan menghantarnya kepada senarai agihan tersebut dan membolehkan kesemua penerima di dalam senarai tersebut membaca e-mel peribadi anda. Ia juga bahaya jika fungsi lengkap automatik memilih senarai agihan. Anda mungkin mahu menghantar kepada seorang penerima, seperti rakan kerja anda Carl di carl@contoh.com, tetapi fungsi lengkap automatik secara tidak sengaja menghantarnya kepada senarai agihan yang anda langgan tentang kereta (Cars).

Emosi

Jangan menghantar e-mel ketika anda beremosi dan marah. Jika anda berada dalam keadaan begitu, e-mel tersebut boleh mendatangkan masalah kepada anda pada masa akan datang, mungkin ia boleh menyebabkan anda kehilangan rakan atau pekerjaan. Sebaliknya, ambil masa seketika dan tenangkan fikiran. Jika anda perlu meluahkan perasaan, buka e-mel dan pastikan ianya tidak di alamatkan kepada sesiapa. Sekarang, taip apa yang anda fikirkan. Kemudian bangun dan beredar dari komputer anda, mungkin buat secawan teh untuk diri anda. Apabila anda kembali, padam e-mel tersebut dan mula semula. Atau pun, telefon dan bercakap dengan pengirim tersebut kerana ianya sukar untuk mengenal pasti nada dan niat berdasarkan e-mel.



*E-mel tidak mempunyai butang 'undo'.
Setiap kali anda menghantar e-mel, berhenti seketika dan semak semula apa yang anda hantar dan kepada siapa yang anda hantar sebelum menekan butang hantar.*

Apa yang Anda Boleh & Tidak Boleh Lakukan dalam E-mel

Privasi

Akhir sekali, ingatlah bahawa e-mel anda hanya mempunyai beberapa perlindungan privasi yang membolehkan e-mel anda dibaca oleh sesiapa yang mempunyai capaian kepadanya. Selain itu, ia bukan seperti panggilan telefon atau perbualan peribadi kerana apabila anda telah menghantar e-mel tersebut anda tiada kawalan ke atasnya lagi. E-mel anda boleh di panjangkan kepada sesiapa, di letakan di forum awam, dan sentiasa boleh dicapai di internet untuk selamanya. Sekiranya anda mempunyai sesuatu yang peribadi untuk disampaikan, gunakan telefon. Penting untuk diingat bahawa di kebanyakan negara, e-mel boleh dijadikan bukti di mahkamah. Akhirnya, jika anda menggunakan komputer pejabat untuk menghantar e-mel, ingatlah bahawa majikan anda mempunyai hak untuk memantau dan membaca e-mel anda. Ini termasuklah e-mel peribadi anda jika anda menggunakan komputer pejabat untuk membuat capaian kepada e-mel peribadi anda. Semak dengan penyelia anda jika anda mempunyai soalan tentang privasi e-mel di tempat kerja.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

Sumber

- OUCH! Email Phishing Attacks: <http://www.securingthehuman.org/ouch/2013#february2013>
- OUCH! Spear Phishing: <http://www.securingthehuman.org/ouch/2013#july2013>
- Common Security Terms: <http://www.securingthehuman.org/resources/security-terms>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 3.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie